

# **TRANSFORMASI PEMBANGUNAN KENDIRI SECARA HOLISTIK: SATU MEKANISME PENYELESAIAN MASALAH KEMISKINAN BERDASARKAN TASAWUR ISLAM**

Solahuddin Abdul Hamid

[solah@uum.edu.my](mailto:solah@uum.edu.my)

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Kolej Sastera dan Sains,  
Universiti Utara Malaysia (UUM)

Mohd Sobhi Ishak

Pusat Pengajian Teknologi, Multimedia dan Komunikasi, Kolej Sastera dan Sains,  
Universiti Utara Malaysia (UUM)

Mohd Nizho Abdul Rahman

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Kolej Sastera dan Sains,  
Universiti Utara Malaysia (UUM)

Che Zarrina Sa'ari

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
(UM)

Joni Tamkin Borhan

Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM)

## **ABSTRAK**

Personaliti manusia memiliki pelbagai keperluan hidup bermula daripada primer (al-daruriyyah), sekunder (al-hajiyah) dan kemewahan (al-tahsinah) untuk memotivasikan mereka berusaha mendapatkannya. Kegagalan memenuhi keperluan primer menyebabkan manusia terperangkap dalam belunggu kemiskinan. Meskipun tiada siapa yang mengkehendaknya, situasi tersebut tetap juga telah, sedang dan akan berlaku kerana ia adalah fitrah dalam kehidupan manusia. Rupabentuk kejadian dan pencapaian manusia yang berbeza-beza dari segi tenaga, ilmu, pekerjaan dan harta adalah manifestasi kesempurnaan Rububiyah Allah S.W.T untuk kebaikan manusia. Reaksi manusia terhadap situasi yang dihadapi dimanifestasikan melalui imej sendiri yang turut mewakili penampilan rupa paras, kesihatan fizikal, kebolehan, kelemahan dan tingkah laku serta keyakinan diri sendiri. Justeru, menyelesaikan masalah kemiskinan melalui pembangunan konsep sendiri bukan sahaja melibatkan menggunakan sumber-sumber yang sedia ada untuk menghasilkan pertambahan dalam pengeluaran barangan dan perkhidmatan per-kapita secara berterusan. Malahan, proses pembangunan yang meliputi aspek jasmani dan psikologi tersebut seharusnya seimbang dan konsisten bagi mencapai kesejahteraan manusia dari segi kebendaan dan kerohanian.

Kata kunci: *Kemiskinan, Pembangunan, Kendiri, Tasawur Islam*

## Pengenalan

Usaha menggalakkan individu memberikan sumbangan yang terbaik kepada keperluan diri, keluarga, masyarakat atau negara seharusnya selari dengan pembangunan sendiri mereka. Mekanisme pembangunan berasaskan hipotesis sosialisme ternyata tidak realistik dengan mengandaikan individu akan bekerja dengan cekap meskipun dinafikan peluang mereka memenuhi kepentingan diri. Begitu juga dengan kapitalisme yang mengandaikan kepentingan diri dan kepentingan sosial akan sentiasa harmonik. Sekularisme melalui perspektif keduniaannya pula tidak menyediakan apa-apa mekanisme untuk menggalakan individu supaya memenuhi kepentingan sosial apabila ia bertentangan dengan kepentingan diri mereka (Umer Chapra, 1992). Lanjutan itu, umat Islam tidak mempunyai alternatif selain daripada bertindak mengislamkan rangka pembangunan dan sistem ekonomi mereka. Islam sebagai '*al-Deen*' bukan sekadar satu pegangan atau kepercayaan berbentuk spiritual semata-mata. Malahan, tafsiran terminologi tersebut merangkumi segala peraturan hidup manusia dalam konteks hubungan tiga dimensi antara manusia dengan Pencipta, manusia sesama manusia dan manusia dengan alam. Penghayatan agama secara menyeluruh boleh dianggap sebagai penyelaras kepada proses pembangunan sendiri yang juga merupakan sebahagian spiritual Islam.

## Fenomena Kemiskinan Dan Islam

Miskin adalah orang yang tidak dapat memenuhi keperluannya (al-Sayuti (*t.t.*). Terdapat pengulangan terminologi *miskin* dalam al-Quran sebanyak 11 kali, *masakin* 12 kali manakala *maskanah* sebanyak 2 kali (Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi (1981). Namun, tidak terdapat walau satu ayat yang memuji kemiskinan, begitu juga dalam hadith-hadith yang soheh. Hadith-hadith yang memuji tentang zuhud sama sekali tidak bermaksud memuji kemiskinan. Sebab usaha berzuhud itu sendiri menuntut seseorang untuk memiliki kemewahan dunia dan meninggalkannya. Personaliti individu yang berzuhud dalam konteks yang sebenarnya ialah orang yang memiliki dunia, tetapi meletakkan dunia itu di dalam genggaman tangan, bukan di dalam hati mereka. Sebaliknya, terdapat banyak hadith soheh yang mengingatkan mengenai kemiskinan sebagai malapetaka yang berbahaya kepada individu dan masyarakat, akidah dan iman, jasmani dan rohani, pemikiran dan kebudayaan serta keluarga dan masyarakat secara keseluruhan. Kemiskinan juga berbahaya terhadap kedaulatan kebebasan dan kemerdekaan satu bangsa. Semangat untuk membela maruah bangsa sukar ditemukan di dalam dada seorang miskin yang sedang memerlukan bantuan (al-Qaradhawi, 2003).

## Mekanisme Penyelesaian Dalam Islam

Islam tidak rela golongan miskin menjadi satu lapisan masyarakat yang terbiar (surah *al-Baqarah* (2):267). Terdapat pelbagai mekanisme penyelesaian yang diwajibkan dan dituntut dalam Islam sama ada dalam bentuk maklum balas segera, jangka pendek atau jangka panjang.

Antara mekanisme tersebut adalah menentukan hak-hak mereka dalam harta orang kaya melalui pelaksanaan zakat. Melalui syariatnya, Islam telah mendahului zaman dalam membela nasib orang miskin memandangkan pelaksanaan perintah tersebut (surah *al-Taubah* (9):5) tanpa didahului oleh sebarang bantahan atau tuntutan daripada golongan fakir miskin untuk mendapatkan hak mereka daripada orang kaya.

Selain pelbagai jenis zakat yang diwajibkan, terdapat juga tuntutan pemberian makanan sebagai hukuman terhadap orang-orang yang berdosa. Secara tidak langsung, ia juga menunjukkan bahawa memberi makanan kepada orang miskin adalah salah satu alternatif daripada mekanisme penyelesaian dalam Islam. Antaranya, seperti mengagihkan daging korban, denda (*kaffarah*) bagi mereka yang melanggar sumpah, melakukan *zihar*, melakukan persetubuhan suami isteri pada bulan Ramadhan, *fidyah* (warga tua, para wanita yang lemah atau pesakit yang dijangka tidak sembuh biasanya tidak mampu berpuasa di bulan Ramadhan dan *al-hadyu* (denda yang dibayar oleh seseorang apabila melanggar salah satu larangan ihram semasa menunaikan ibadah haji dan umrah) dan sebagainya.

Syariat Islam yang syumul juga telah menggesa dan menggalakkan masyarakat supaya bersilaturahmi dan berbuat baik kepada kaum keluarga (surah *al-Nahl* (16):90); kewajipan menolong dan memuliakan sesama jiran (surah *al-Nisa'* (4):36).

Dalam masa yang sama, terdapat juga larangan dan amaran yang keras telah diberikan terhadap sesiapa yang memutuskan hubungan silaturahmi (surah *al-Nahl* (16):90); (surah *al-Baqarah* (2):177), menganiaya kaum keluarga dengan seksaan yang keras (surah *al-Nisa'* (4):36) serta tidak memberi makan kepada orang-orang miskin (surah *al-Muddassir* (74):44) serta ditegah daripada menyakiti atau bersikap tidak peduli terhadap jiran (surah *al-Nisa'* (4):36).

Terdapat juga penekanan terhadap keperluan tersebut dalam hadith-hadith Nabi s.a.w. Antaranya, Jabir bin Abdullah meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w bersabda yang bermaksud:

*"Mulakanlah (bersedekah itu) untuk dirimu. Kemudian jika ada baki maka sedekahkanlah untuk keluargamu. Jika masih ada baki diluar keperluan keluargamu maka sedekahkanlah kepada kaum kerabatmu. Dan jika masih ada lagi baki diluar keperluan kaum kerabat maka teruskan lah bersedekah kepada yang terdekat dan terdekat."* (Riwayat An-Nasai)

Dalam hadith yang lain, Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:

*"Bukan orang yang beriman, sesiapa yang tidur malam dengan perut kenyang, sedangkan dia mengetahui bahawa jiran sebelahnya sedang kelaparan."* (Riwayat at-Tabrani dan al-Baihaqi)

Personaliti Islam yang ideal adalah bersifat pemurah dan pengasih serta lebih banyak memberi daripada meminta (surah *al-Baqarah* (2):245). Harta adalah salah satu alat yang boleh digunakan untuk berinfaq dan berbuat baik kepada manusia (surah *al-Hadid* (57):7). Meskipun kemiskinan tidak wujud lagi, keluhuran akhlak dan budi pekerti tersebut tetap menjadi tujuan utama Islam dalam mendidik umatnya (al-Qaradhawi, 2003).

## **Pembangunan Kendiri Secara Holistik Sebagai Asas**

Islam mewajibkan setiap individu yang tinggal dalam komuniti untuk berusaha mencapai taraf kehidupan yang layak bagi setiap manusia terutamanya dalam

memenuhi keperluan asas (al-Qaradhawi. 2003). Selari dengan seruan tersebut, maka pelaksanaan segala yang diperintah oleh Allah S.W.T tidak terhad kepada ibadat khusus semata-mata. Ini kerana, matlamat syariat Islam ialah menghasilkan kebaikan dan menolak keburukan di dunia dan akhirat melalui tiga kategori yang utama iaitu kepentingan asas (*al-daruriyyah*), keperluan biasa (*al-hajjiyyat*) dan keperluan kemewahan (*al-tahsinat*). Secara tidak langsung umat Islam perlu berusaha sendiri selagi terdaya untuk turut serta dalam aktiviti pembangunan ekonomi bagi mendapatkan sekurang-kurangnya keperluan asas yang boleh menyelamatkan nyawa, agama, keturunan, harta dan juga maruah diri mereka. Sikap suka bergantung hidup kepada orang lain atau kerajaan dalam kalangan orang dewasa yang sihat tubuh badan dilarang keras oleh agama kerana ia juga akan bertanggungjawab terhadap keruntuhan politik-ekonomi ummah. Begitu juga, tidak seharusnya umat Islam bersikap pasif terhadap perubahan sekeliling dengan alasan perubahan tersebut tidak ada kena mengena dengan personaliti seseorang Islam yang hanya memenuhi keinginannya dalam hukum-hukum Syarak dan amal ibadat khusus.

Malik Badri (1979) berpendapat, perbincangan teori berkaitan personaliti menjadi satu subjek yang agak sukar jika ditinjau daripada sudut tasawwur Islam semata-mata kerana belum terdapat perbincangan tentang sebuah teori personaliti yang bersifat Islam secara tepat dalam kalangan sarjana Islam. Namun, beliau bersetuju bahawa al-Qur'an dan Hadith telah menjelaskan sejumlah konsep khusus yang mendasari tingkahlaku manusia sama ada secara individu atau kolektif. Perbincangan asas pembangunan sendiri secara holistik ini akan memfokuskan kepada keperluan ilmu serta tiga cabang utama penghayatan Islam iaitu akidah sebagai teras dan tunjang yang menjadi pegangan hidup, syariah sebagai amalan hidup yang mencorakkan tingkahlaku dan akhlak sebagai etika hidup yang merupakan manifestasi daripada akidah yang jelas dan syariah yang mantap.

### **Ilmu Sebagai Asas**

Membangunkan manusia memerlukan ilmu, manakala ilmu pembangunan dan ekonomi pula adalah sebahagian daripada keseluruhan kesepaduan ilmu agama. Pemisahan ilmu-ilmu tersebut daripada agama adalah tidak mungkin, sama seperti tidak mungkin memisahkan manusia daripada rohnya. Justeru, seruan menuntut ilmu bukan sekadar untuk mengetahui mekanisme membangunkan sosioekonomi manusia, malah sebagai memenuhi keperluan spiritual serta memastikan tiada pelanggaran terhadap sempadan yang telah ditetapkan oleh Syariah.

Menurut Imam al-Ghazali, ilmu adalah asas dan syarat, manakala tindakan adalah ikhtiar yang memerlukan ilmu, keinginan dan kemampuan. Manusia tidak akan berkeinginan kepada perkara yang tidak diketahuinya dan tidak akan melakukan perkara yang diluar batas kemampuan mereka. Kerja keras sahaja masih belum mencukupi jika kemampuan akal tidak dieksploitasi sepenuhnya untuk bekerja dengan lebih efisien dan berkesan, malah berkemungkinan mereka akan kekal dalam kehidupan yang susah (Nik Mohamed Affandi Bin Nik Yusoff, 2001; Mohd Kamal Hasan, 2001). Sebaliknya kerja keras tersebut perlu diiringi dengan ilmu serta Syariat sebagai satu sistem yang memerintah, mengawal dan mengendalikan tingkahlaku mereka dalam memenuhi sesuatu keinginan. Memandangkan tasawur Islam adalah bersifat ilmiah, manakala asas bekerja dalam Islam adalah untuk mendapatkan kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat, maka budaya kerja Islam juga perlu difahami dan diamalkan berdasarkan ilmu yang ditafsirkan dengan cara yang sewajarnya.

### **Tauhid Sebagai Pegangan Hidup**

Sebagai agama yang syumul, Islam telah mengkonsepsikan penghayatan agama secara menyeluruh. Islam adalah merangkumi kepercayaan (*Iman*), penyerahan (*Islam*), persetujuan hati (*qalb*) dan fikiran (*'aql*) yang diucapkan oleh lidah (*lisan*) serta diterjemahkan dalam bentuk perbuatan dan kerja (*'amal*). Oleh itu, Islam adalah *al-din* yang berintikan Iman dan amal. Seseorang yang mengaku terhadap sesuatu perkara, tidak akan memperolehnya berdasarkan pengakuannya sahaja (Ibn Khatir, (t.t.); Syed Muhammad Naquib al-Attas, (1993). Tiada pemisahan antara kehidupan beragama yang bersifat spiritual dengan urusan-urusan lain yang bersifat keduniaan (Sayyid Qutb, 1983). Hubungan secara timbal balik antara jiwa dan fizikal ini diyakini boleh mencetuskan suatu motivasi supaya umat Islam sentiasa tekun dalam apa jua pekerjaan yang baik dalam kehidupan mereka serta reda dengan segala ketentuanNya setelah gigih berusaha.

Muhammad bin Ibrahim al-Khatib (2006), mengingatkan, unsur takwa dan keimanan boleh menjadi motivasi secara semulajadi kepada umat Islam. Manakala Yusuf al-Qaradawi (2001) pula menyatakan, dorongan keimanan atau spiritual ini akan mendorong manusia melakukan sesuatu pekerjaan tanpa dipaksa. Mereka bekerja dengan dorongan semangat dari dalam, iaitu mempercayai Allah S.W.T dan risalahNya serta memahami tugas dan kewajipan mereka supaya memakmurkan bumi dan menguasai alam. Lanjutan itu, motivasi umat Islam untuk bekerja dengan cemerlang bukan setakat untuk memenuhi keinginan, meningkatkan mobiliti dan taraf hidup diri, keluarga, masyarakat atau bangsa dan negara, malah ia adalah sebagai menunaikan amanah Allah S.W.T di bumi.

Dalam pada itu, meskipun rezeki telah ditentukan, tetapi Allah S.W.T telah menetapkan bahawa penghasilannya adalah berdasarkan usaha manusia. Kerahsiaan dari segi jenis, kualiti, kuantiti, kesusahan atau kesenangan hasil yang akan diperolehinya adalah sebagai motivasi kepada manusia untuk menggiatkan usaha di dalam pekerjaan secara berterusan di samping sentiasa memohon pertolongan daripada Allah S.W.T (surah *al-Jumu'ah* (62): 10) bagi memastikan kesudahan yang terbaik. Usaha adalah manifestasi daripada seruan ayat "فامشوا في مناكبها" yang bermaksud "*berjalan di seluruh penjuruNya*" (surah *al-Mulk*, (67): 15) iaitu tidak dapat tidak perlu melalui kerja dan usaha secara berterusan bagi mendapatkan rezeki Allah S.W.T ('Abd Allah 'Abd al-Muhsin al-Tariqi, 1417H). Allah S.W.T menjamin rezeki setiap makhluk yang melata di atas muka bumi ini (surah *Hud*, (11):6), namun bertawakal kepada-Nya tidak bermakna perlu berhenti berusaha dan bekerja.

Kebebasan personaliti yang lahir daripada dari keimanan juga akan membentuk manusia yang berjiwa pengasih, bekerjasama, persaudaraan, keadilan, ihsan, jujur dan amanah bagi melahirkan masyarakat yang soleh dan harmoni.

### **Syariah Sebagai Cara Hidup**

Islam menuntut setiap individu untuk bekerja dan berusaha (surah *al-Mulk* (67):15) kerana tingkahlaku tersebut merupakan senjata utama dalam usaha memerangi kemiskinan serta melaksanakan tugas sebagai khalifah untuk memakmurkan bumi. Segala alasan kejiwaan dan halangan-halangan pemikiran untuk tidak bekerja adalah sangat ditegah oleh Islam (al-Qaradhawi, 2003).

Muhammad 'Uthman Najati (2001) menjelaskan, motivasi adalah daya penggerak yang mencetuskan dorongan dalam diri manusia serta menggerakkan tingkahlaku ke arah sesuatu atau tujuan-tujuan tertentu. Dorongan-dorongan tersebut merangsang manusia untuk memenuhi keperluan asas bagi meneruskan kelangsungan hidup dan kewujudan mereka serta persekitaran sekeliling. Bagaimanapun, tingkahlaku sosial manusia mesti dikawal dan dibimbing dengan

Syariat meningkatkan kualiti hidup dan ketamadunan mereka (Syed Nawab Haider Naqwi, 1981).

Himpunan undang-undang ini wajib dilaksanakan bagi mencapai objektif pembaikan (*maqasid islahiyyah*) dalam masyarakat (Mustafa Ahmad Zarqa', 1968). Tasawur Islam melalui syariatnya yang syumul tidak melihat pemenuhan keinginan pencapaian dalam bentuk kebendaan semata-mata, sebaliknya indeks pencapaian tersebut perlu diseimbangkan dengan keperluan akhirat. Kepuasan maksimum kehendak material tidak dikira sebagai satu objektif mutlak aktiviti ekonomi kerana ia tidak akan berkesudahan. Setelah satu keinginan dipuaskan, keinginan yang baru pula akan muncul. Manusia juga tidak mempunyai kemampuan sepenuhnya bagi mengetahui apa yang baik baginya memandangkan pengetahuan mereka adalah terbatas. Justeru, Islam mewajibkan umatnya memenuhi keinginan mereka berdasarkan urutan keutamaan dengan mengutamakan keperluan *daruriyyat* terlebih dahulu sebelum keperluan *hajjiyyat* dan *tahsiniyyat* dipenuhi (Muhammad 'Abd al-Mun'im 'Afar, 1885). Manakala pemenuhan keinginan tersebut mestilah berteraskan kepada elemen-elemen seperti tauhid, *rububiyyah*, khalifah dan *tazkiyah*. Tauhid adalah kepercayaan kepada keesaan Allah S.W.T, manakala *rububiyyah* adalah meyakini bahawa ketentuan rezeki hanya dalam kekuasaanNya.

### **Akhlak Sebagai Etika Hidup**

Selain perlu berusaha dan beramal (Surah *al-Najm* (53): 39), menjauhi sikap malas (Surah *al-Nisa'* (4): 104), bersaing secara positif untuk mengejar kebaikan dan kemuliaan (surah *al-Baqarah* (2): 148.), mengikis sikap dengki (surah *al-Nisa'* (4): 54), membuat perubahan positif (surah *al-Shams* (91):10) dan melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan (surah *al-Mujadalah* (58):11), manusia perlu juga kepada penyerapan nilai-nilai iman, takwa, zikrullah, amal soleh, *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*, *syukur* dan *jihad fi sabilillah* dalam semua kegiatan mereka.

Wan Mohd Nor Wan Daud (1990) menjelaskan, konsep kerja yang semakin berakar umbi dalam masyarakat hari ini kelihatan tidak bersepadu sifatnya, lebih mengutamakan kebendaan dan bersifat anti-intelektual. Sebahagian masyarakat masih lagi menganggap tingkahlaku berhubungan dengan 'agama' adalah amal ibadat, manakala yang berhubungan dengan kehidupan merupakan 'pekerjaan' semata-mata.

Bila metodologi ini dipatuhi dalam setiap usaha pembangunan, maka Allah S.W.T. akan menolong mewujudkan keadaan *al-falah* tersebut, sebaliknya jika metodologi itu tidak dipatuhi atau dicerobohi, maka *al-khusran* akan berlaku dengan izin Allah S.W.T. pada masa yang sesuai dan dalam bentuk-bentuk yang tertentu. Justeru, hasil yang terdiri daripada ganjaran baik dan buruk seseorang tidak terhad di dunia sahaja, malah melangkaui sehingga akhirat. Ganjaran akhirat merupakan motivasi rasional yang boleh mencetuskan komitmen di kalangan umat Islam secara konsisten.

### **Sokongan dan Campurtangan Daripada Pemerintah**

Dalam konteks seruan bekerja, Saidina Umar r.a telah memarahi golongan yang hanya duduk-duduk di dalam masjid dengan tidak mahu bekerja kerana bertawakkal kepada Allah S.W.T. Alasannya kerana langit tidak akan menurunkan hujan emas dan perak (al-Qaradhawi. 2003). Peringatan beliau adalah supaya masyarakat mengambil berat peringatan daripada al-Quran supaya berusaha mencari rezeki (surah *al-Jumuah* (62):10).

Syariah Islam mengharuskan konsep campurtangan pihak penguasa dalam kegiatan-kegiatan ekonomi sama ada dalam bentuk pengurusan, penyusunan, agihan dan perancangan. Dengan kuasa politik, *ulil amri* berhak campurtangan dalam urusan

ekonomi negara untuk melindungi dalam menjamin kestabilan dan keadilan sosial (surah *al-Nisa'* (4): 59).

Syariat Islam juga membenarkan campurtangan kerajaan atas dasar bagi mengimbangi kembali sumber-sumber ekonomi yang berada dalam kalangan masyarakat. Alasannya, ketika mendirikan negara Islam Madinah, Rasulullah s.a.w pernah bersabda yang bermaksud:

*"Barangsiapa yang mempunyai tanah, hendaklah dia menjalankan usaha bercucuk-tanam, atau menyerahkannya kepada saudaranya (untuk diusahakan), tetapi janganlah dia menyewakannya"* (Riwayat Muslim)

Namun, tujuan campurtangan tersebut terbatas kepada tujuan dan implikasi tertentu dengan tertakluk kepada beberapa keadaan. Antaranya, termasuklah untuk jaminan hak masyarakat, agihan pendapatan yang adil, jaminan persamaan peluang, pengawasan pasaran serta memerangi riba, rasuah, monopoli dan penganiayaan hak terhadap pekerja.

### Rumusan

Pelbagai sumber yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan manusia dan menjamin kelangsungan generasi mereka. Proses membangun personaliti yang kukuh dan konsisten memerlukan dua elemen penting iaitu agama sebagai unsur tetap dan fleksibiliti proses pembangunannya. Penafsiran pembangunan dengan mengutamakan kepada kerja semata-mata dengan mengabaikan ibadat-ibadat kerohanian akan menyebabkan masyarakat akan terperangkap dalam arus materialisme yang tenat. Semakin bertambah harta kekayaan, semakin berkurangan roh keagamaan yang merupakan asas daya kawalan yang menunjangi kehidupan manusia seluruhnya. Faktor spiritual dan psikologikal ini merupakan yang satu keperluan yang boleh dibentuk dan dirangsang kepada individu atau masyarakat bagi mencapai kecemerlangan. Namun, elemen-elemen tersebut bukanlah bersifat dominan dalam mempengaruhi kejayaan, sebaliknya ia lebih berupa penghargaan sendiri kepada seseorang usahawan untuk melakukan sesuatu usaha.

### Rujukan

\_\_\_\_\_ (2003), *Mushkilah al-Faqr wa Kayfa 'Alajaha al-Islam*, c. 7, Kaherah: Maktabah Wahbah.

'Abd Allah 'Abd al-Muhsin al-Tariqi (1417H), *al-Iqtisad al-Islami Asas wa Mabadī wa Ahdaf*, c. 4, Riyadh: Mu'assasah al-Jarisi li al-Tawzi'.

Abi Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali (1996), *Ihya' 'Ulum al-Din*, j. 4, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn Khatir, 'Imad al-Din Abi al-Fida' Isma'il bin Kathir (t.t.) *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, j. 2. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

M. Umer Chapra (1992), *Islam and the Economic Challenge*. United Kingdom: The Islamic Foundation.

Malik Badri (1986), *Dilema Psikologi Muslim* (terj.) Siti Zainab Luxfiati, Jakarta: Pustaka Firdaus.

- Muhammad 'Abd al-Mun'im 'Afar (1885), *al-Iqtisad al-Islami*, j. 3, Jeddah: Dar al-Bayan al-'Arabi,
- Muhammad 'Uthman Najati (2001), *Al-Qur'an wa 'ilm al-Nafs*, c.7. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Muhammad bin Ibrahim al-Khatib (2006), *al-Nizam al-Iqtisadi fi al-Islam*, Jordan: al-Maktabah al-Wataniyyah.
- Mustafa Ahmad al-Zarqa' (1968), *al-Madkhal al-Fiqhi al-'Am*, j. 1. c. 9, Damsyik: Mutabi' Alif Ba'-al-Adib.
- Sayyid Qutb (1983), *al-Mustaqbal li Hadha al-Din*, Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993), *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Syed Nawab Haider Naqwi (1981), *Individual Freedom, Sosial Welfare and Islamic Economic Order*, Islamabad: Pakistan Institute of Development Economics.
- Wan Mohd Nor Wan Daud (1990), "Budaya Kerja Bersepadu" dalam Shafie Hj. Mohd. Salleh *et al.* (eds.) *Kecemerlangan Pentadbiran Dasar dan Amalan Dalam Islam*, Kuala Lumpur: INTAN.
- Yusuf al-Qaradawi (2001), *Dawr al-Qiyam wa-al-Akhlaq fi al-Iqtisad al-Islami*, c. 2. Kaherah: Maktabah Wahbah.